

Pensyarah UMT rajin diberi anugerah

KOSMO 28/08/09 Pg.14

KUALA TERENGGANU - Tidak kedekut masa biarpun ketika sibuk serta rajin melayan keranah pelajar pelbagai ragam, berbaloi buat Dr. Mariam Taib, 39.

Ini kerana, pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu berjaya menggondol satu anugerah serta dua sijil pada Majlis Anugerah Tahunan UMT 2008 semalam.

Menurut Mariam, beliau tidak pernah merasa terbeban sekiranya ada pelajar yang datang bertemuannya biarpun ketika itu beliau sangat sibuk dengan komitmen tugasnya.

"Ketika mengajar pula, saya akan pastikan semua pelajar memahami apa yang diajar dan bukan hanya ingin menghabiskan silihbus pengajaran pada setiap hujung semester," katanya.

Pada majlis anugerah tahunan itu, Mariam memperoleh Sijil Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang 2007, Sijil Penghargaan Pengajaran Cemerlang 2007 serta Anugerah Khas Naib Canselor 2007.

Jelasnya, pendekatan mesra pelajar serta memberi perbandingan topik pengajaran dengan karakter pelajar juga sering digunakannya bagi memastikan pelajar faham.

"Saya rasa mungkin kerana itulah, penilaian yang dilakukan oleh pelajar terhadap prestasi saya adalah sangat baik," katanya.

Sementara itu, Dr. Amir Izzwan



SULAIMAN (barisan depan, tengah) berbual dengan para penerima anugerah tahunan UMT di Kuala Terengganu semalam.

Zamri, 34, pula turut menerima dua sijil dan anugerah yang sama hasil ketekunannya membuat pelbagai penyelidikan produk alam semulajadi yang tidak dikomersialkan.

"Saya bersyukur kerana ketekunan saya selama ini diberi penghargaan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor UMT, Prof. Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin turut menerima Sijil Penghargaan Perkhidmatan Cemerlang 2007.

Sijil dan anugerah kepada 273 penerima disampaikan oleh Pendaftar UMT, Mohd. Suib Maulud.